



**BAHAGIAN PELESENAN & KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN,
MAJLIS DAERAH MERSING**



**TAWARAN TAPAK NIAGA
BAZAR RAMADAN 2020M/1441H**

**A. BORANG PERMOHONAN & TARIKH TUTUP PERMOHONAN
(LANJUTAN)**

1. Borang permohonan boleh didapati mulai **16 FEBRUARI 2020 (AHAD) SEHINGGA 19 FEBRUARI 2020 (RABU)** secara **PERCUMA** di Bahagian Pelesenan, Pejabat Majlis Daerah Mersing atau muat turun dari laman web www.mdmersing.gov.my
2. Tarikh tutup permohonan pada **19 FEBRUARI (RABU)** sehingga Jam 5.00 PETANG sahaja. Sila kemukakan borang permohonan yang telah dilengkapkan kepada ;

2.1 Majlis Daerah Mersing, No 1, Jalan Tun Dr Ismail, 86800 Mersing

B. LOKASI BAZAR TAHUN 2020/1441H

Kawasan Mersing

BIL	LOKASI	SAIZ TAPAK	JUMLAH TAPAK	BAYARAN (RM)
1	JALAN SRI PANTAI, TAMAN SRI PANTAI, MERSING (hadapan Kedai)	10'X10' (Khemah disediakan)	20	
2	JALAN DATO ONN, MERSING (Hadapan PAKAR/Gerai Menara)	10'X10' (Khemah disediakan)	20	
3	LEGARAN PENAMBANG, MERSING (belakang METIC)	10'X10' (Khemah disediakan)	28	

Kawasan Endau

BIL	LOKASI	SAIZ TAPAK	JUMLAH TAPAK	BAYARAN (RM)
1	JALAN PERISAI, ENDAU (Medan Ikan Bakar)	10'X10' (Khemah disediakan)	30	- RM300.00/Tapak - APRON RM15.00
2	JALAN PERMATA, TAMAN PERMATA, ENDAU	10'X10' (Khemah disediakan)	20	

C. SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

1. Warganegara Malaysia bertaraf **bumiputera** dan beragama **Islam**.
2. **Alamat Pemohon** di **Kad Pengenalan** mesti alamat Daerah **Mersing**.
3. Berumur **tidak kurang daripada 18 tahun**.
4. Pemohon dan Pembantu perlu mendapatkan **Suntikan Tifoid**.
5. Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan **satu borang permohonan sahaja, terhad untuk 2 tapak dan dibenarkan mohon 1 lokasi sahaja untuk setiap permohonan**.
6. Borang permohonan yang **lengkap** sahaja akan dipertimbangkan untuk cabutan undi.
7. Senarai pemohon yang **berjaya** untuk undian boleh semak di:
 - 7.1 Laman web www.mdmersing.gov.my
 - 7.2 Papan Kenyataan/Pemberitahuan Majlis Daerah Mersing
 - 7.3 Facebook : **MY Mersing**
 - 7.4 Instagram : **myMersing**
8. Pemilihan peniaga akan dibuat melalui cabutan undi pada tarikh berikut ;
 - 8.1 Bazar Kawasan **Mersing - 27 Februari 2020 (Khamis) Jam 9.00 pagi**, bertempat di **Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Mersing**.
 - 8.2 Bazar Kawasan **Endau - 05 Mac 2020 (Khamis) Jam 10.00 pagi**, bertempat di **Dewan Serbaguna Endau**.
9. Sekiranya cabutan undi **tidak berpihak** kepada pemohon, maka permohonan **tidak berjaya**. Keputusan cabutan undi tapak adalah muktamad dan sebarang permohonan pertukaran tapak selepas cabutan undi tidak dibenarkan.
10. Pemohon yang **berjaya** perlu menjelaskan bayaran penuh selepas **proses pengundian** dan mematuhi syarat - syarat Bazar Ramadan Majlis Daerah Mersing Tahun 2020/1441H.

D. DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN SEMASA PENGHANTARAN BORANG

1. Salinan Kad Pengenalan (alamat pemohon di kad pengenalan mesti Daerah Mersing)
2. Salinan Kad Suntikan Tifoid